



# Meneroka magis Taman Negara

Kunjungan pelancong tempatan, luar negara meningkat saban tahun

Oleh Mohd Rafi Mamat

bhrenanca@bh.com.my

Terletak di sempadan tiga negeri, Pahang, Terengganu dan Kelantan, Taman Negara sangat dikenali sebagai lokasi pelancongan yang menerokai kunjungan ribuan pengunjung saban tahun.

Ia menjadi rumah kepada pelbagai spesies haiwan antaranya harimau, tenuk dan gajah selain turut menjadi lokasi yang menarik kaki pancing, kerana di situ berkumpulnya pelbagai spesis ikan kelah.

Biarpun terletak di sempadan tiga negeri, Taman Negara Pahang adalah yang terbesar dengan keluasan 2,477 kilometer persegi. Justeru dengan keluasan sebegitu, ia menyajikan pelbagai produk pelancongan yang mengujakan.

Untuk sampai ke Taman Negara Pahang, anda perlu menghalau ke Jerantut sebelum ke Kuala Tembeling yang berjarak 16 kilometer. Menjejak kaki ke Jeti Kuala Tembeling bermaksud kembawa anda ke Taman Negara Pahang sudah bermula kerana di situ anda perlu menukai bot ke Kuala Tahan yang memakan masa antara dua ke tiga jam.

Jika memulakan perjalanan ke Taman Negara melalui Sungai Tembeling, di situ



adrenalin anda mula terjuji kerana bot akan menyusuri air deras dan jeram. Ia pastinya membulatkan rasa gerun dan cemas buat sesetengah pelancong.

Sepanjang menyusuri Sungai Tembeling, anda akan temui beberapa jeti yang menjadi pintu masuk ke pelbagai produk pelancongan yang ditawarkan. Misalnya, jika anda kaki pancing boleh singgah ke Jeti Tuulang, laluan masuk singgah ke Jeti Tuulang, laluan masuk

ke Santuari Kelah Lubuk Tenor.

## Jambatan gantung

Jika anda memilih meneruskan perjalanan hingga ke jeti Kuala Tahan anda akan disambut kampung-kampung tradisional Melayu dan masyarakat Orang Asli Bateq. Bagi mereka yang berasal dari kota metropolitan, tentu teruja melihat jambatan gantung atau pemandangan kerbau mandi di sungai.

Selanjutnya, jangan terperap di dalam bilik penginapan saja sebaliknya berada di Taman Negara Pahang adalah peluang anda menerokai hutan hujan

yang sudah menjangkau usia 130 juta tahun.

Berada dalam hutan memberi peluang kepada pelancong melihat pelbagai spesies pokok balak seperti Meranti, Kempas, Merbau, Tualang, Cengal dan Jelutong yang agam serta mengagumkan.

Anda juga boleh memilih menerokai hutan menerusi trek yang disediakan. Bagi mereka yang berhati cekal dan memiliki kecerdasan pada tahap memuaskan boleh berjalan kaki ke Lata Berkoh. Lokasi ini cukup popular dalam kalangan pengunjung sebagai kawasan mandi-mandi kerana airnya yang jernih.

Namun terdapat satu aktiviti yang seharusnya tidak dipinggirkan jika berkunjung ke Taman Negara Pahang iaitu menyusuri jambatan gantung sepanjang 300 meter. Sepanjang laluan anda boleh melihat sendiri pelbagai jenis pokok yang mungkin tidak ditemui di tempat lain.

Apabila menarik, jambatan gantung itu adalah yang terpanjang di dunia.

Kunjungan ke Taman Negara juga menawarkan satu lagi pengalaman menarik kepada mereka yang gemar mendaki. Berketinggian 2,187 meter, Gunung Tahan yang terletak dalam Taman Negara adalah puncak tertinggi di Semenanjung Malaysia.

Anda boleh memulakan pendakian itu sama ada menerusi Kuala Tahan atau Sungai Relau. Menurut laman web Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), laluan asal ke puncak Gunung Tahan dari Kuala Tahan meliputi jarak yang lebih jauh dan mencabar.

## Lumba rakit

Justeru, pendaki memerlukan sekurang-kurangnya tujuh hari enam malam untuk menamatkan pendakian. Laluan ini juga memerlukan pendaki untuk menyeberangi sungai sebanyak tujuh kali dan mendaki 27 puncak sebelum sampai ke destinasi.

Dalam pertemuan dengan Pengurus Besar Tourism Pahang, Kamaruddin Ibrahim, baru-baru ini, beliau menjelaskan Taman Negara Pahang semakin memikat pelancong berdasarkan data kemasukan setiap tahun.



Acara Taman Negara Rakit Race menguji kemahiran pelumba pelumba mengharungi jeram Sungai Tembeling. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Pengunjung melalui jambatan gantung sepanjang 300 meter begitu popular di Taman Negara Kuala Tahan.



Pemancing menunjukkan hasil tangkapan ikan sebarau di Taman Negara Kuala Tahan.

